

PM selar kesatuan sekerja asing cuba paksa Malaysia ikut mereka

ARAU 25 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohammad petang ini menyelar kesatuan negara asing yang campur tangan dalam urusan undang-undang pekerja negara ini dan memaksa Malaysia mengikut peraturan mereka.

Serentak dengan itu juga, beliau mengecam beberapa pemimpin kesatuan sekerja di Malaysia yang sanggup menghasut kesatuan negara asing memaksa Malaysia mematuhi undang-undang luar.

"Kita sudah lama merdeka, dan kita berpegang kepada syarat serta undang-undang kesatuan sekerja di bawah hak kita sendiri. Kalau semuanya nak ikut kehendak negara asing, tidak guna kemerdekaan yang telah dicapai itu," tegas Perdana Menteri.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas berucap kepada kira-kira 6,000 orang ahli UMNO seluruh Negeri Perlis dalam perhimpunan yang diadakan di padang Sekolah Menengah Vokasional di sini sempena lawatan seharinya ke Perlis.

Menurut Perdana Menteri, rakyat telah memilih kerajaan yang memerintah sekarang untuk menyusun sesuatu dasar bagi kepentingan rakyat sendiri. Dengan sebab demikian, pihak lain seperti Tabung Pendidikan dan Penyelidikan Buruh Antarabangsa (AFELO) tidak ada hak memaksa Malaysia mengikut polisi mereka.

Dato' Sri Dr. Mahathir mendedahkan niat utama pihak asing campur tangan dalam urusan undang-undang pekerja di negara ini bukan sebenarnya hendak membela nasib pekerja di Malaysia, tetapi tindakan dibuat untuk kepentingan mereka sendiri.

"Mereka mahu melihat perjalanan perindustrian di negara ini menjadi kalam-kabut, akhirnya pengeluaran tidak sempurna, ataupun kos pengeluaran meningkat akibat terpaksa membayar gaji lebih kepada pekerja, dan harga yang dijual ke luar negeri menjadi mahal."

"Jika sudah sampai ke tahap ini, barang-barang daripada Malaysia akan kurang bersaing dengan barang-barang keluaran negara mereka. Mereka akan dapat terus bekerja di negara mereka sendiri setelah pelabur dari Malaysia mungkin akhirnya meninggalkan Malaysia dan pergi ke negara mereka," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan, masalah tersebut telah pun dirasai oleh negara Korea Selatan yang suatu ketika dahulu memperoleh pendapatan perkapita penduduknya, tiga kali ganda lebih daripada rakyat Malaysia, tetapi keadaan sekarang sudah berubah.

Ini, katanya, adalah disebabkan campur tangan negara asing tersebut yang mendakwa kononnya Kerajaan Korea Selatan menindas pekerja, lalu menghasut pekerja di kilang-kilang perindustrian melancarkan mogok.

"Sebab itulah, kita ikuti laporan, di Korea Selatan selalu sahaja berlaku mogok di kalangan pekerjaanya, hingga menyebabkan banyak pelabur negara berkenaan terpaksa berpindah dan ada yang datang ke Malaysia," ujar beliau.